

(14)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang (digantung tidak bertali), masalah beristeri lebih dari satu atau ((poligami)), dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Doktor Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir dalam bukunya:

***“Bayt Al-Ṭā‘ah wa Ta‘addud Al-Zawjāt Wa Al-Ṭalāq Fī Al-Islām”***

Huraiannya yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah ini yang sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lalu, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz) dan masalah yang kedua (soal berbilang isteri). Mulai dari bilangan 144 yang lalu dan seterusnya, pengarangnya menghuraikan pula masalah yang ketiga – “soal talak dalam Islam”.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Perbandingan di antara  
Peraturan Talak dalam Islam dengan  
Peraturan Talak Menurut Agama dan Undang-Undang Barat

(4)

Cukuplah bagi kita dalam mengemukakan dalil tentang ketinggian peraturan talak dalam Islam dan kesan-kesannya dalam melaksanakan kebajikan umum jika kita bentangkan di bawah ini beberapa peraturan Barat tentang talak menurut hukum agama Kristian dan undang-undang negeri, yang telah menuju ke arah yang lain dalam soal ini. Kita akan

menerangkan setakat mana kekacauan dan kerosakan dalam kehidupan keluarga dan masyarakat yang telah ditimbulkan oleh peraturan itu:

1: Peraturan-peraturan talak yang berhubung dengan hukum-hukum agama Kristian adalah berbalik kepada tiga mazhab: Catholic, Protestant dan Orthodox.

Mazhab Catholic mengharamkan talak sama sekali, dan tidak membenarkan perceraian walau bagaimana besarnya perkara yang menyebabkan talak itu. Sehingga perbuatan khianat dari isteri (menduakan suami) menurut pandangan mazhab ini tidak membolehkan talak itu

dijatuhkan. Setinggi-tinggi yang diharuskan dalam perkara isteri berlaku khianat (menduakan suaminya) ialah Pemisahan Tubuh (menurut istilah Catholic) di antara peribadi kedua suami isteri itu, dengan mengakui bahawa perkahwinan mereka masih belum putus menurut hukum agama. Tiap-tiap seseorang dari mereka berdua, dalam ((Pemisahan Tubuh)) ini, tidak boleh berkahwin dengan orang lain, kerana perbuatan itu dipandang: berbilang isteri atau berbilang suami, sedang melakukan yang mekian<sup>1</sup> dilarang dalam agama Kristian.

Mazhab Catholic, dalam soal ini bersandar kepada Kitab Injil (Matthew) (Saint Matthews) yang menyebut bahawa Nabi 'Isā, *'alayhi al-salām*, berkata: "Tidak sah jika manusia memisahkan apa yang telah disatukan oleh Allah" (Matthew, fasal 13, pecahan 6). Dan juga bersandarkan kitab Injil (Mark) (Saint Mark), yang menyebut bahawa Nabi 'Isā berkata: "Sesudah berkahwin, kedua suami isteri itu menjadi tubuh yang satu, selepas itu mereka tidak berbalik menjadi dua, bahkan menjadi tubuh yang satu. Apa yang telah disatukan oleh Allah, tidak boleh dipisahkan oleh manusia". (Mark, fasal 10, pecahan 8,9).

Setengah-setengah *firqah* (puak) yang bercabang dari gereja Catholic mengharuskan talak ketika berlaku pengkhianatan<sup>2</sup> dari suami atau isteri (melakukan zina), tetapi puak yang tersebut mengharamkan juga suami isteri itu berkahwin sesudah itu.

Dua mazhab Kristian yang lain, Orthodox dan Protestant, mengharuskan juga talak dalam setengah-setengah perkara yang terhad terutama perkara zina, tetapi kedua-dua mazhab itu mengharamkan juga bekas suami isteri itu berkahwin lagi kemudian daripada itu.

Mazhab-mazhab Kristian yang mengharamkan suami isteri yang bercerai itu berkahwin lagi adalah bersandar kepada Injil Matthew yang menyebut bahawa Nabi 'Isā, *'alayhi al-salām*, berkata: "Barang siapa berkahwin dengan perempuan yang telah ditalakkan oleh suaminya adalah ia "berzina" (Matthew, fasal 5, pecahan 32). Dan juga bersandarkan kepada Injil Mark yang menyebut: "Barang siapa menceraikan isterinya dan berkahwin dengan perempuan yang lain maka ia adalah berzina, dan apabila seorang perempuan dicerai oleh suaminya lalu berkahwin dengan lelaki yang lain, maka ia dengan perbuatannya itu telah melakukan kesalahan zina." (Mark, fasal 10, pecahan 11,12).

\* \* \*

(Setelah mengemukakan beberapa contoh kejadian menuntut talak dalam kalangan kaum Kristian di Mesir yang telah dibawa di hadapan mahkamah, maka pengarang buku ini melanjutkan huraian dengan berkata):

Tidak payah kita memberi penjelasan kerana telah nyata, banyak kejadian dalam kehidupan umat manusia yang menjadikan talak itu satu perkara yang tak dapat dielakkan, bahkan satu jalan yang tetap untuk ketenteraman keluarga. Semuanya ini menjadikan pengajaran-pengajaran Injil tidak dapat diturut (oleh kaum Kristian) dalam soal talak.

Oleh kerana kejadian-kejadian yang menyebabkan talak itu bukanlah kejadian khayal, bahkan banyak berlaku dalam masyarakat manusia, maka orang-orang Barat memandang, bahawa oleh kerana tabiat mereka juga dari tabiat manusia, maka tak dapatlah mereka menurut pengajaran kitab Injil dalam perkara-perkara talak. Mereka pun membuat undang-undang negeri yang mengharuskan mereka menggunakan talak untuk memutuskan tali perkahwinan yang tak dapat dilanjutkan lagi,

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah demikian

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah pengkhianatan

lalu mereka menurut ((undang-undang negeri)) dalam masyarakat mereka.

Dalam kritiknya terhadap perbuatan gereja (yang mengharamkan talak), ini Bentham – Bentham (Inggeris), salah seorang ahli falsafah Kristian sendiri, berkata dalam bukunya: (Dasar Perundangan):

“Benar, bahawa perkahwinan yang kekal abadi ialah perkahwinan yang layak bagi manusia, yang sesuai dengan kehendaknya, yang padan dengan hal ehwal keluarga, dan yang utama diamalkan. Tetapi apabila perempuan meletakkan syarat bagi lelaki, bahawa ia tidak akan bercerai dengan sekalipun perasaan benci yang bersangatan telah bertempat di hati mereka berdua, menggantikan tempat kasih sayang, nescaya hal yang demikian menjadi satu perkara buruk yang tidak dipersetujui oleh siapa-siapa dari umat manusia. Dalam pada itu syarat yang tersebut memang sedia ada dengan tidak payah dituntut oleh perempuan, kerana undang-undang gereja menjalankan hukum dengannya, lalu campur tangan dalam masa kedua-dua bakal suami isteri itu hendak berkahwin dan berkata kepada mereka: “Kamu berdua berkahwin untuk beroleh bahagia. Oleh itu hendaklah kamu ketahui bahawa kamu akan memasuki penjara yang akan ditutup pintunya. Kamu tidak akan dibenarkan keluar sekalipun kamu berbunuhan dengan menggunakan senjata permusuhan dan benci-membenci.”

Ahli falsafah Inggeris itu mengulas perkara itu dengan berkata: “Kalaulah maut sahaja dengan sendirinya menjadi penyelamat dari perkahwinan yang sedemikian itu, nescaya akan banyaklah jenisnya cara berbunuh-bunuhan itu dan akan luaslah jalan-jalannya.”

Mujurnya orang-orang Kristian telah membuat ((undang-undang

Negeri)) yang membukakan kepada mereka beberapa pintu untuk menjatuhkan talak dan menjadikan suami isteri tidak terdesak kepada berbunuh-bunuhan sesame sendiri atau membunuh diri untuk keluar dari penjara itu.

Keadaan ini, iaitu meletakkan perkara hal ehwal sahsiah (perkara nikah, cerai dan sebagainya) di bawah kuasa undang-undang negeri adalah menyalahi pengajaran agama, dan tidak berlaku melainkan dalam kalangan orang-orang Barat. Sekalian pemeluk agama dan mazhab-mazhab yang lain, termasuk Buddha, Brahman, penyembah berhala dan Majusi, adalah menjalankan perkara hal ehwal sahsiah mereka menurut ajaran agama-agama mereka. Kita akan dapati di antara mereka yang membuat undang-undang negeri yang menyalahi ajaran agama mereka, untuk mneguruskan perkara-perkara yang tertentu, tetapi kita tidak mendapati di antara mereka yang membuat undang-undang negeri untuk menguruskan hal ehwal sahsiah mereka, yakni dalam perkara nikah, cerai dan sebagainya. Pemeluk-pemeluk agama yang tersebut dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan sehari-hari dan menurut tabiat manusia dalam perkara-perkara itu. Hanya orang-orang Kristian sahaja, yang terpaksa membuat undang-undang negeri untuk menguruskan hal ehwal sahsiah, terutama mengenai talak. Mereka terpaksa membuat undang-undang negeri yang tersebut, yang menyalahi ajaran agama mereka, kerana mereka mendapati ajaran agama mereka dalam soal ini (nikah, cerai), tidak dapat diturut dalam kehidupan secara amalan.

Ahli-ahli agama Kristian tidak mendapat jalan untuk membendung rempuhan ombak kejadian-kejadian yang tersebut, dan tidak dapat bertahan di hadapan mantiq, akal, dan tuntutan-tuntutan hidup. Lalu mereka membiarkan perkara itu berjalan

menurut keadaannya. Mereka hanya berpeda untuk menampakkan diri dari semasa ke semasa, di atas pentas kejadian, apabila perkara itu berhubung dengan raja atau anak raja, atau pun orang besar, dan apakala keadaan politik bersesuaian supaya mereka menempatkan diri, untuk menunjukkan wujud mereka, dan untuk mengekalkan kekuasaan mereka dalam lapangan agama: sebagai mana yang berlaku dalam perkara bekas raja Inggeris – Edward yang Kedelapan – yang hendak berkahwin dengan seorang janda yang telah menawan hatinya (Lady Simpson, yang sekarang menjadi Duchess of Windsor). Pada ketika itu keadaan politik bersesuaian untuk menyukarkan raja itu dan menghalangi kehendaknya. Gereja pun tampil mengugut dengan menggunakan kitab-kitab Injilnya dan menggunakan kata-kata yang berbunyi: Barang “siapa yang berkahwin dengan seorang perempuan yang telah bercerai maka adalah ia berzina.” Raja itu pun disuruh memilih: taat kepada hukum agama yang tersebut dan kekal bersemayam di atas takhta kerajaan, atau menurut hukum akal nya dan hatinya dan turun dari takhta kerajaan. Ia pun mengutamakan akal daripada iktikad, dan hati daripada mahkota.

Yang peliknya, telah sedia diketahui oleh gereja dan orang ramai bahawa raja ini telah bersekedudukan dengan sahabat perempuannya yang tersebut dalam masa ia masih di tangan suaminya sebelum bercerai, dan telah disediakan beberapa bilik yang khas di istananya. Di dalam buku catitannya yang telah tersiar dalam akhbar, perempuan yang tersebut telah mengakui akan kejadian itu. Tidak pula kedengaran sebarang bantahan dari rakyat Inggeris atau ahli-ahli gereja tentang perkara yang demikian. Kerana ini terhitung menurut adat mereka ialah perkara kecil. Tetapi apabila Raja itu menyatakan kehendaknya setelah perempuan

itu menerima talaknya daripada suaminya yang pertama, untuk berkahwin dengan cara halal, sebagai isteri, bukan sebagai perempuan simpanan, tiba-tiba timbullah bangkangan gereja dan ahli-ahli agama Kristian menentang nya.

Akhir-akhir ini pernah juga terjadi, bagi Puteri Margaret (Inggeris), yang menyatakan kehendaknya untuk berkahwin dengan seorang kapten (Kapten Townsend), yang dicintainya dan mencintainya, tiba-tiba pihak gereja tampil menentang nya, kerana kapten yang tersebut telah menceraikan isterinya, sedang menurut peraturan gereja bahawa barang siapa berkahwin dengan lelaki yang menceraikan isterinya adalah ia berzina. Padahal perceraian itu telah selesai menurut peraturan undang-undang negeri dan peraturan gereja juga, kerana isterinya dahulu telah sabit khianatnya (berzina) dengan bukti-bukti yang menjadi pemutus. Sedang gereja Protestant sendiri yang menjadi ikutan

-sambungannya pada muka 27

*Sudah terbit!*

Pengajian

## **KESAH PELAYARAN**

**ABDULLAH MUNSHI**

*di-susun sa-mula oleh:*

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

*Di-chitak dan di-terbitkan oleh:*

QALAM

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

## Soal Talak dalam Islam

Sambungan dari muka 19

orang Inggeris mengharuskan talak dalam perkara ini.

Demikianlah, ketua-ketua gereja, tidak tampil ke hadapan melainkan jika perkara itu bersangkutan dengan raja, atau anak raja, atau pun orang besar, dan ketika keadaan siasah bersesuaian untuk mereka menampakkan diri. Mereka bertindak demikian hanya kerana merebut peluang untuk menunjukkan wujud mereka dalam bentuk yang nyata, dan untuk mengekalkan kuasa agama mereka, serta menampakkan diri kepada orang ramai dengan keadaan suci dan mulia, dan untuk membuktikan secara amalan bahawa kedudukan mereka adalah mengatasi kedudukan makhota-makhota, bahkan mengatasi kedudukan raja-raja dan orang besar-besar.

Sebesar-besar dalil tentang ini ialah bahawa beribu-ribu kejadian talak dan perkahwinan lelaki yang telah bercerai dan perempuan yang telah bercerai dijalankan hukumannya oleh mahkamah-mahkamah di Eropah dan di Amerika dan diluluskan oleh badan-badan awam dalam kalangan bangsa-bangsa Barat yang beragama Kristian, terang nyata dilihat dan didengar oleh ketua-ketua agama Kristian, dengan tidak pula mereka tampil menggerakkan siapa-siapa, atau sanggup membantah undang-undang yang mengharuskan kejadian itu atau menentang ketika undang-undang itu diamalkan. Suatu bukti lagi, ialah bahawa Perdana Menteri Inggeris (Sir Anthony Eden) telah menceraikan isterinya yang pertama yang telah lari ke Amerika bersama-sama dengan seorang lelaki yang menjadi kekasihnya. Perdana Menteri Inggeris itu telah berkahwin dengan seorang perempuan lain, dengan tidak pula kedengaran

suara gereja membantahnya tentang perkahwinan itu, atau tentang ia memegang jawatan kerajaan yang setinggi-tingginya, kerana keadaan siasah pada masa itu tidak sesuai untuk mereka bersuara.

\* \* \*

Inilah dia peraturan Kristian yang telah diabaikan oleh pemeluk-pemeluk Kristian sendiri, apabila telah nyata kepada mereka bahawa ia tidak sesuai dengan kehidupan secara kenyataan. Tetapi mereka berkehendak kita menurutnya dan meninggalkan peraturan Islam kita. Kehendak-kehendak karut orang-orang Barat itu disuarakan pula orang-orang kita yang kebaratan – lelaki dan perempuan – sedang mereka tidak mengetahui bahawa orang-orang Barat hanyalah bertujuan dengan itu untuk mengkhianati Islam, merosakkan pengajarannya, merendahkan kedudukan pada pandangan



356/8, GEYLANG ROAD,

SINGAPURA, 14.

Tel: 41118

Penerbit buku2 agama, buku2 sekolah,

buku2 bacaan tambahan bagi

kanak2 dan buku2 bacaan 'am.

Mengambil upah chitak menchitak dengan

harga berpatutan. Berhubong-lah, pasti

memuaskan!

pemeluknya, dan menyebarkan kekacauan dan keruntuhan dalam kalangan umat Islam.

2: Sebagaimana peraturan agama orang-orang Kristian telah gagal untuk menghadapi kehidupan secara kenyataan, maka peraturan-peraturan negeri (awam) telah nyata kelihatan keburukannya. Kucar kacirilah kedudukan keluarga di antara peraturan agama dan peraturan negeri yang tersebut, dan terdedahlah ia kepada keruntuhan, bahkan telah pun runtuh dalam kalangan kebanyakan bangsa-bangsa Barat. Tidak ada yang tinggal selain daripada gambaran-gambaran buruk, yang telah terpelencong jauh dari peraturan keluarga yang sempurna, dan menjadilah ia tidak dapat melaksanakan sesuatu dari tujuan-tujuannya.

Undang-undang negeri mereka dalam soal talak telah berpecah dua:

Pecahan yang pertama telah mengabaikan sama sekali akan kehormatan akad perkahwinan. Ia membenarkan talak disebabkan perkara yang kecil sekali, sebagaimana halnya di setengah-setengah wilayah Amerika Utara. Dalam wilayah-wilayah ini, tidaklah menjadi hairan, jika perempuan berkahwin pada sebelah pagi dan bercerai daripada suaminya pada petangnya!

Ini ialah sejauh-jauh peringkat yang telah dicapai oleh perbuatan maharajalela terhadap peraturan masyarakat manusia dan keruntuhan dalam asas-asas keluarga.

Pecahan yang kedua pula telah berleluasa sedikit dalam soal talak berbanding dengan peraturan-peraturan Kristian, tetapi ia masih terpengaruh dengan semangat gereja. Ia tidak mengharuskan talak melainkan dalam keadaan-keadaan yang terhad, dan dengan cara-cara yang terlalu kusut, dan

tidak pula berkesudahan dengan talak melain sesudah melalui masa yang lanjut, sebagaimana yang berlaku di negeri Perancis dan kebanyakan bangsa-bangsa yang bermazhab Catholic. Undang-undang negeri Perancis, tidak mengharuskan talak melainkan kerana salah satu dari tiga sebab. Pertama: Zina yang dilakukan oleh salah seorang dari suami isteri. Kedua: Perbuatan menghina secara melampau yang dilakukan oleh salah seorang dari suami isteri terhadap yang lain. Ketiga: Hukuman yang menghina yang dijatuhkan oleh mahkamah terhadap salah seorang dari suami isteri. Suami atau isteri yang ditimpa penyakit, atau cacat anggotanya, atau gila, sekalipun ia membawa kepada melampaui batas dalam layanan, aib yang terlalu lama, perbalahan yang melampau, dan persetujuan dari kedua belah pihak untuk bercerai: semuanya ini tidak mengharuskan talak dalam pandangan undang-undang negeri Perancis.

Oleh kerana salah satu dari sebab-sebab yang tiga tadi iaitu hukuman mahkamah yang menghina tidak berlaku melainkan kepada orang-orang jahat yang melaku jenayah, dan sebab yang kedua pula, iaitu melakukan perbuatan menghina yang melampau dari salah seorang suami isteri terhadap yang lain, sukar sabitnya, maka kebanyakan orang yang hendak bercerai di sana bertumpu kepada sebab yang ketiga iaitu zina. Mereka pun mengumpulkan bukti-bukti yang mensabitkannya dan memuaskan mahkamah jika perkara itu betul dilakukan oleh salah seorang dari suami isteri itu, itu pun mereka mengemukakan bukti-bukti palsu untuk mensabitkannya, dan mengaku melakukannya secara bohong di hadapan mahkamah, supaya mudah mereka bercerai. Jadi, menurut undang-undang yang tersebut, tidak

dapat dilakukan talak melainkan apabila telah disediakan untuknya satu sebab, iaitu perkara (zina) yang memalukan selamanya akan suami, isteri, anak-anaknya, keturunannya, keluarganya dan sekalian yang berhubung dengannya. Dalam pada itu talak tidak dapat disempurnakan melainkan dengan perbelanjaan yang mahal, yang tidak dapat dipikul melainkan oleh orang-orang yang kaya raya, dan sesudah melakukan berbagai usaha yang berlanjutan dan kusut, yang pada lazimnya mengambil masa beberapa tahun, dan terlebih dahulu dihukumkan dengan Pemisahan Tubuh (antara kedua suami isteri), kemudian setelah melalui satu peringkat masa yang lain, baharulah dihukumkan jatuhnya talak itu.

Dengan sebab itu, banyak kejadian dalam kalangan bangsa-bangsa Barat ini, suami-suami mengambil perempuan simpanan, dan isteri-isteri pula mengambil lelaki simpanan. Suami-suami dan isteri-isteri telah meninggalkan rumahtangga, dan masing-masing telah lari bersama-sama dengan kekasih mereka, sehingga kejadian-kejadian yang seperti itu telah menjadi perkara biasa di Eropah dan di Amerika. Keluarga telah menjadi satu perkara yang tidak berharga, dan perhubungan anak dengan bapa yang sah telah menjadi satu perkara yang disyak dan diragukan.

\* \* \*

Inilah dia peraturan orang-orang Barat (mengenai talak) yang berdasarkan undang-undang negeri. Satu pecahan dari undang-undang itu melucutkan sama sekali akan kehormatan akad perkahwinan, lalu mengharuskan talak kerana sesuatu sebab yang kecil, dan pecahan yang lain bersikap terlalu keras dan ketat – tidak

mengharuskan talak kecuali kalau berlaku perbuatan zina yang memberi malu kepada keluarga turun temurun, dan setelah melalui beberapa cara yang kusut dan berlanjutan. Yang pertama terlalu longgar, dan yang kedua melampau-lampau pula ketatnya. Padahal kedua-duanya membawa kepada kesudahan yang buruk dan berbahaya. Dengan sebab itu kucat kacirilah susunan keluarga, dan runtuhlah asas-asasnya dalam kalangan kebanyakan bangsa-bangsa Barat yang beragama Kristian.

- Bersambung

BUKU2 RUMI:

(a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

- |                              |                        |      |      |
|------------------------------|------------------------|------|------|
| 1. Tunas Baru (ABC)          |                        |      |      |
|                              | (Abdul Rahman H. Said) |      | 1.50 |
| 2. Tunas Baru I              |                        |      | 1.00 |
| 3. Tunas Baru II, III dan IV |                        |      |      |
|                              | (Abdul Rahman M. Said) |      | 1.50 |
| 4. Senang Bacha I dan II     |                        |      |      |
|                              | (Hasan Basri)          | satu | 80   |

(b) Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:

- |                                   |               |  |     |
|-----------------------------------|---------------|--|-----|
| 5. Kuching Hitam                  | (A. H. Edrus) |  | .30 |
| 6. Peristiwa Hari Sabtu           | “             |  | .30 |
| 7. Nabi Sulaiman Dengan Semut     | “             |  | .30 |
| 8. Lutong Sakti I                 | ”             |  | .35 |
| 9. Lutong Sakti II                | ”             |  | .35 |
| 10. Karun Dengan Harta-nya        | ”             |  | .35 |
| 11. Pekebun Yang Tama’            | ”             |  | .35 |
| 12. Lembu Chantek                 | ”             |  | .35 |
| 13. Kisah Minangkabau             | ”             |  | .40 |
| 14. Sutan Balun                   | ”             |  | .40 |
| 15. Puteri Balqis                 | ”             |  | .45 |
| 16. Penduduk Gua                  | ”             |  | .50 |
| 17. Sebab Harimau                 | ”             |  | .50 |
| 18. Cherita Burong Hantu          | ”             |  | .75 |
| 19. Nakhoda Dengan Datok Perpatih |               |  | .30 |
| 20. Si-Buta                       | “             |  | .30 |

Q A L A M

356 & 358, Geylang Road,

Singapore 14.